

**03-17**

# **ISI KANDUNGAN**

Perutusan .....	03
Ringkasan Eksekutif .....	05
Latar Belakang.....	07
Peranan .....	08
Struktur Organisasi .....	09
Punca Kuasa .....	10
<i>Stakeholders &amp; Pelanggan.....</i>	11
Analisis Perubahan Persekitaran....	12
Hala Tuju Strategik. ....	15
Visi, Misi dan Moto .....	16
Nilai Bersama .....	16
Strategi dan Formulasi Tindakan....	17

# **ISI KANDUNGAN**

## **Teras Strategik 1**

Strategi & Pelan Tindakan . .18-19

Pelan Tindakan ..... 21

## **Teras Strategik 2**

Strategi & Pelan Tindakan . . 23

Pelan Tindakan ..... 25

## **Teras Strategik 3**

Strategi & Pelan Tindakan . . 27

Pelan Tindakan ..... 29

## **Teras Strategik 4**

Strategi & Pelan Tindakan 30-31

Pelan Tindakan ..... 33

**18-33**

**35-36**

Elemen Penentu Kejayaan ..... 35

Mekanisme Pelaksanaan..... 36

Selangkah ke Hadapan ..... 37


Penutup ..... 37

**37**



# PERUTUSAN

YB. SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI SEMBILAN



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera



Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya juga dapat kita menyempurnakan penerbitan Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2016 - 2020.

Pelan Strategik PSUKNS 2016-2020 ini merupakan pegangan kita bagi tempoh lima tahun akan datang ini, dalam menentukan hala tuju serta gerak kerja organisasi.

Pelan strategik ini akan memandu kita sepanjang perjalanan ke arah mencapai Visi PSUKNS iaitu Peneraju Kecemerlangan Perkhidmatan Awam Negeri bagi mendukung Aspirasi Negeri Sembilan Moden menjelang 2045.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kita bersama-sama dan menghayati misi kita iaitu Memperkasakan Pengurusan dan Pembangunan Negeri melalui Tadbir Urus yang Cekap serta Inovatif ke Arah Kemakmuran Negeri dan Kesejahteraan Rakyat, seterusnya mengukuhkan peranan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan sebagai peneraju perkhidmatan awam negeri, yang telah digariskan di bawah empat teras strategik yang dihasilkan. Bersama-sama kita realisasikan setiap pelan tindakan yang dirancang di bawah empat teras tersebut dengan sebaiknya.

Dengan komitmen semua bahagian dan unit, sebagaimana dipamerkan sehingga Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan memperoleh penarafan 5 Bintang dalam Indeks Penarafan Bintang, maka gerakkanlah pelaksanaan pelan strategik ini dengan semangat kerja berpasukan yang jitu supaya keberhasilannya membawa impak yang membanggakan.


Di sini saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan pelan strategik ini, khususnya Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) serta pegawai-pegawai kanan dari semua bahagian dan unit, di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan yang telah menyumbang idea dan tenaga.

Semoga segala usaha ini akan diberkati dan dipermudahkan olehNya dan seterusnya mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Sekian, wassalam.

**Y.B. DATO' HAJI MAT ALI BIN HASSAN**  
*Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan*

# RINGKASAN EKSEKUTIF



Peranan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (PSUKNS) sebagai agensi pusat bagi pembangunan dan pentadbiran serta penyampaian perkhidmatan awam, memerlukan warga jabatan sentiasa bertindak secara proaktif dan responsif bagi menawarkan perkhidmatan di tahap yang paling cemerlang. Kecemerlangan penyampaian perkhidmatan dapat direalisasikan dengan berpandukan kepada perancangan strategik yang komprehensif.

Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan 2016-2020 merupakan susun atur kepada pelaksanaan gerak kerja ke arah melakari pencapaian serta kejayaan yang berteraskan kepada misi negeri iaitu Memakmurkan Negeri dan Mensejahterakan Rakyat. Setiap pelaksanaan terhadap sesuatu penetapan yang telah dibuat perlu memastikan rentetan fokus dan usaha itu menjurus kepada keberhasilan yang membanggakan.

Visi PSUKNS iaitu “Peneraju Kecemerlangan Perkhidmatan Awam Negeri bagi Mendukung Aspirasi Negeri Sembilan Moden 2045” jelas merujuk kepada peranan PSUKNS sebagai peneraju kepada seluruh perkhidmatan awam negeri dan merupakan penggerak utama kepada hasrat kerajaan negeri ke arah pemodenan menjelang tahun 2045. Perancangan jangka panjang ke arah matlamat tersebut dikupas dalam konteks pentadbiran pengurusan serta pembangunan ekonomi bagi tempoh lima tahun pertama pelaksanaan iaitu 2016 sehingga 2020.

Akur dengan perubahan persekitaran yang serba dinamik dan mencabar, PSUKNS melalui teras strategik yang pertama, memberi keutamaan kepada pemerkasaan warga kerja serta tadbir urus, dengan matlamat melahirkan barisan pegawai yang kompeten dan inovatif, di samping mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi serta berintegriti.

Bersetujuan dengan misi PSUKNS “Memperkasakan Pengurusan dan Pembangunan Negeri melalui Tadbir Urus yang Cekap serta Inovatif ke Arah Kemakmuran Negeri dan Kesejahteraan Rakyat” pula, PSUKNS menetapkan teras strategik yang kedua bagi memacu pertumbuhan ekonomi serta mempergiatkan aktiviti sosio ekonomi ke arah pembangunan inklusif.

Bagi mengukuhkan kedudukan sebagai peneraju perkhidmatan awam negeri juga, teras strategik yang ketiga menuntut PSUKNS untuk memperkuatkannya dasar dan peraturan bagi meningkatkan kawal selia yang cekap. Ini dibuat melalui penggubalan kaedah, dasar dan peraturan serta menjalin kerjasama antara agensi.

Dalam melangkah ke arah era pemodenan 2045, PSUKNS perlu memastikan lonjakan dalam pembangunan diseimbangkan dengan peningkatan dalam kesejahteraan rakyat. Selaras dengan itu, teras strategik keempat menumpukan kepada inisiatif-inisiatif ke arah pembangunan sosial melalui pengukuhan dasar luar bandar serta pemantapan jaringan keselamatan sosial.

Di bawah pelan strategik ini, PSUKNS berhasrat untuk membudayakan moto baru iaitu “Bersama Menerajui Kecemerlangan”. Sebagai tonggak kepada perkhidmatan awam negeri,

PSUKNS sewajarnya sentiasa mendahului dalam menawarkan perkhidmatan cemerlang kepada pelanggan. Cabaran sebenar untuk mengekalkan kecemerlangan ialah dalam melaksanakannya secara kolektif sebagai satu entiti. Nilai kebersamaan dalam mendahului kecemerlangan ini perlu dibudayakan di setiap peringkat, malah disemai serta disuburkan sehingga ia menjadi satu nilai intrinsik yang tidak dapat dipisahkan dari sanubari warga PSUKNS.

## LATAR BELAKANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (PSUKNS) telah ditubuhkan pada tahun 1948 di bawah pimpinan Setiausaha Kerajaan Negeri yang pertama iaitu Encik Othman bin Mohamed yang bertugas mulai 1 Februari 1948 hingga 27 Jun 1949. Pada waktu itu, bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan terletak berhampiran Taman Bunga Bandar Seremban dan berhadapan dengan Istana Hinggap Paduka Seri Tuanku Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Pada 16 April 1987 keseluruhan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan telah berpindah ke bangunan baru yang berhampiran. Pejabat baru ini telah dirasmikan oleh Paduka Seri Tuanku Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan pada 26 September 1987 dengan dikenali sebagai Wisma Negeri.



Pentadbiran PSUKNS terbahagi kepada dua sayap utama iaitu Bahagian Pembangunan dan Bahagian Pengurusan. Bahagian Pembangunan terdiri daripada enam (6) unit iaitu Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Unit Pelaburan & Penswastaan, Badan Kawal Selia Air (BKSA), Unit Perumahan (UP), Unit Kerajaan Tempatan (UKT) dan Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan (LPNS). Bahagian Pengurusan pula terdiri daripada dua belas (12) bahagian dan unit iaitu Pejabat Menteri Besar (PMB), Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Unit Integriti (UI), Unit Pengurusan Teknologi Maklumat (UPTM), Unit Dewan Undangan Negeri (UDUN), Majlis Sukan Negeri (MSN), Unit Korporat, Inovasi dan Kualiti (UKIK), Unit Pengurusan Majlis Rasmi dan Protokol (UPMP),

Unit Penyelaras dan Pemantauan Institusi Akar Umbi (UPPIAU), Unit Audit Dalam (UAD) dan Unit Pengaduan Awam Negeri Sembilan (UPANS).

Hal ehwal pentadbiran dan pengurusan berkaitan perkhidmatan awam diuruskan dan diselaraskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. Ia juga berperanan sebagai pakar runding dalam hal berkaitan pembangunan ekonomi serta merupakan perancang utama pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi sektor awam di Negeri Sembilan. Selain itu, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan turut menjadi penyelaras dan penghubung kepada agensi lain yang terdiri daripada jabatan Negeri dan Persekutuan, Badan Berkanun serta Pihak Berkuasa Tempatan.

## PERANAN

Sebagai agensi pusat bagi urusan pembangunan dan pentadbiran serta penyampaian perkhidmatan awam negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan melaksanakan lima peranan utama seperti berikut:

01

Peneraju pentadbiran dan pengurusan bagi perkhidmatan awam di Negeri Sembilan

02

Pakar runding pengurusan pembangunan ekonomi di Negeri Sembilan

03

Perancang bagi pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sektor awam di Negeri Sembilan

04


Penyelaras dan pakar rujuk bagi pelbagai bidang pengurusan negeri

05

Penghubung kepada agensi lain di Negeri Sembilan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan

# STRUKTUR ORGANISASI

## PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN



KEMASKINI: 1.10.2016

# PUNCA KUASA

## PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

### UNDANG-UNDANG

- » Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959
- » Perlembagaan Persekutuan

### ENAKMEN

- » Enakmen Air Negeri Sembilan

### AKTA

- » Akta Pencen 1980 dan Akta Pencen (Pindaan) 2002
- » Akta Penyelarasan Pencen 1980 (Akta 238)
- » Akta Air 1920 (Pindaan 2007)
- » Peraturan-Peraturan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan 1996
- » Perintah-Perintah Am (Bab A, B, C, E, F dan G)
- » Perwakilan Kuasa Melantik, Mengesah Dalam Perkhidmatan Dan Memasukkan Ke Dalam Perjawatan Berpencen Jawatan-Jawatan Di Bawah Bidang Kuasa Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan [P.U. (B) 74]
- » Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Negeri Sembilan) 2006

### ARAHAN

- » Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus
- » Arahān Perbendaharaan
- » Pekeliling, surat pekeliling dan surat edaran yang dikeluarkan oleh Agensi Pusat seperti JPA, MAMPU dan Perbendaharaan Malaysia

# STAKEHOLDERS & PELANGGAN



# ANALISIS PERUBAHAN PERSEKITARAN

## ISU-ISU STRATEGIK

### KEKUATAN

- Pengurusan tertinggi yang berkaliber
- Sistem pengurusan yang sistematis
- Kemasukan pelaburan yang stabil

### KELEMAHAN

- Kurang responsif dan kesegeraan dalam tindakan
- Pengisian jawatan yang tidak lengkap

### ANCAMAN

- Ketidakstabilan ekonomi global
- Peningkatan ekspektasi orang awam

### PELUANG

- Lokasi pentadbiran yang strategik
- Keterlibatan orang awam yang memberangsangkan
- Kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi

### KEKUATAN

- **Pengurusan tertinggi yang berkaliber dan sistem pengurusan yang sistematis**

PSUKNS mempunyai barisan kepimpinan yang beraspirasi tinggi, komited dan sistematis. Struktur organisasi PSUKNS diterajui oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dengan dibantu oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Pembangunan dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Pengurusan, ketua-ketua bahagian dan unit, pegawai-pegawai kumpulan pengurusan dan profesional serta kumpulan pelaksana yang menepati peranan dan fungsi PSUKNS.

- **Kemasukan pelaburan yang stabil**

Negeri Sembilan merupakan lembah pembangunan yang sentiasa menerima limpahan pembangunan daripada konurbasi Kuala Lumpur, serta kemasukan pelaburan tempatan dan asing yang berterusan. Kemasukan pelaburan memacu pembangunan negeri dari segi infrastruktur, ekonomi dan sosial.

- **Tahap daya saing kompetitif**

PSUKNS berdiri seiring dengan agensi seangkatan seperti PSUK negeri-negeri lain sebagai sebuah agensi awam bertaraf lima bintang, diiktiraf atas pengurusan kewangan dan sumber manusia yang cemerlang serta memiliki ekosistem kerja yang kondusif.

## KELEMAHAN

- **Kurang responsif dan kesegeraan dalam tindakan**

Sikap kurang peka terhadap perubahan persekitaran menyebabkan pengurusan pelanggan serta penyampaian perkhidmatan tidak berada pada tahap optimum. Ini mengakibatkan tindak balas yang kurang responsif apabila berhadapan dengan sebarang masalah dan hanya menunggu arahan lanjut tanpa menunjukkan reaksi yang lebih proaktif.

- **Pengisian jawatan yang tidak lengkap**

Perjawatan di PSUKNS belum diisi sepenuhnya dan ini secara tidak langsung memberi impak kepada kelancaran pelaksanaan tugas di PSUKNS. Perjawatan penting perlu diisi dengan serta-merta bagi memaksimakan penawaran perkhidmatan kepada pelanggan.

## ANCAMAN

- **Ketidakstabilan ekonomi global**

Ketidakstabilan ekonomi dunia turut memberi kesan negatif kepada masyarakat dunia termasuk Malaysia amnya dan Negeri Sembilan khasnya. Kesan kegawatan ekonomi ini menjadikan PSUKNS sebagai pakar runding dalam pembangunan ekonomi di Negeri Sembilan mengambil langkah lebih berwaspada demi memastikan segala perancangan yang telah disusun bagi menjamin kesejahteraan rakyat dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

- **Peningkatan ekspektasi pelanggan**

PSUKNS kini perlu menerajui agensi negeri untuk bergerak seiring dengan hala tuju pucuk pimpinan negara ke arah menjadikan perkhidmatan awam yang menumpukan kepada keperluan rakyat atau *people centric*.

## PELUANG

- **Lokasi pentadbiran yang strategik**

Kedudukan PSUKNS, di bangunan Wisma Negeri yang terletak di Pusat Bandar Seremban merupakan lokasi strategik dan mudah dicapai oleh semua pihak.

- **Keterlibatan orang awam yang memberangsangkan**


PSUKNS menjadi tumpuan orang awam yang sentiasa berkunjung untuk mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan. Selain daripada mendapatkan khidmat pakar runding dan lain-lain perkhidmatan yang disediakan, rekod aduan awam serta cadangan penambahbaikan yang dikemukakan menunjukkan keperihatinan orang awam terhadap kualiti perkhidmatan yang diberikan.

- **Kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi**

Rangkaian telekomunikasi yang lengkap antara pegawai atau jabatan, kemudahan internet serta lain-lain kemudahan komunikasi asas disediakan untuk kegunaan sepanjang masa. Kelengkapan lain seperti komputer, pencetak, pengimbas, mesin pendua dan lain-lain juga disediakan di PSUKNS untuk melancarkan urusan semua pihak.

# HALA TUJU STRATEGIK

## KE ARAH NEGERI SEMBILAN MODEN 2045



# VISI, MISI DAN MOTO

## PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN



# STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN



# TERAS STRATEGIK 1

## MEMPERKASA TADBIR URUS DAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KE ARAH KECEMERLANGAN ORGANISASI

Teras strategik pertama ialah untuk memperkasa tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan selaras dengan kedudukan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan sebagai peneraju kecemerlangan perkhidmatan awam.

Tumpuan ke arah merealisasikan teras strategik ini ialah dengan memperkasakan pengurusan sumber manusia, memperkasakan tadbir urus organisasi dan persekitaran kerja yang kondusif, memantapkan budaya integriti dan nilai-nilai murni, memantapkan infrastruktur, aplikasi dan pembudayaan teknologi maklumat dan komunikasi serta memantapkan pengurusan kewangan yang sistematik.

### STRATEGI

1. Memperkasakan Pengurusan Sumber Manusia bagi melahirkan warga kerja yang kompeten, inovatif serta berprestasi tinggi
2. Memperkasakan Tadbir Urus Organisasi dan persekitaran kerja yang kondusif bagi meningkatkan produktiviti
3. Memantapkan Budaya Integriti dan Nilai-Nilai Murni dalam organisasi
4. Memantapkan Infrastruktur, Aplikasi dan Pembudayaan Teknologi Maklumat & Komunikasi bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan
5. Memantapkan Pengurusan Kewangan yang sistematik bagi mengelakkan ketirisan dan menggalakkan perbelanjaan berhemah

## PELAN TINDAKAN

- 1. Memperkasakan Pengurusan Sumber Manusia bagi Melahirkan Warga Kerja yang Kompeten, Inovatif serta Berprestasi Tinggi**
  - ★ Pewujudan Pelan Latihan Komprehensif
  - ★ Pembangunan Pelan Strategik Sumber Manusia Pentadbiran Kerajaan Negeri
  - ★ Pembangunan Program Peningkatan Keilmuan
  - ★ Program Perubahan Minda dan *Sense of Belonging* terhadap jabatan
  - ★ Pelaksanaan Program Dasar Pemisah (*Exit Policy*)
  - ★ Kajian Semula Perjawatan dan Struktur Organisasi
  - ★ Program Pengurusan Perubahan
  - ★ Program Peningkatan Ukhwah (*esprit de corp*)
  - ★ Semakan Pelan Operasi Latihan
  - ★ Pelan Tindakan Inovasi
  - ★ Pembangunan Pakar Rujuk (*Subject Matter Expert*)
  
- 2. Memperkasakan Tadbir Urus Organisasi dan Persekutaran Kerja yang Kondusif bagi Meningkatkan Produktiviti**
  - ★ Semakan Pelan Pengurusan Risiko
  - ★ Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (*Business Continuity Management*)
  - ★ Pensijilan MS ISO
  - ★ Pemantapan Pengurusan Aset
  - ★ Pengukuhan Program Pengurusan Pelanggan

**3. Memantapkan Budaya Integriti dan Nilai-Nilai Murni dalam Organisasi**

- ★ Program Penerapan Nilai-Nilai Murni
- ★ Pembangunan dan Pelaksanaan Pelan Integriti Negeri Sembilan (PINS)
- ★ Pelaksanaan Program "*Change It Right*" @ *Let's Be Right*

**4. Memantapkan Infrastruktur, Aplikasi dan Pembudayaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi bagi Meningkatkan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan**

- ★ Pembangunan Pelan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)
- ★ Pelaksanaan Pelan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

**5. Memantapkan Pengurusan Kewangan yang Sistematik bagi Mengelakkan Ketirisan dan Menggalakkan Perbelanjaan Berhemah**

- ★ Pengiktirafan Indeks Akauntabiliti
- ★ Kajian Impak (Perbelanjaan / Nilai Projek  $\geq$  RM1 juta)
- ★ Program Integriti serta Akauntabiliti Pengurusan Kewangan

# PELAN TINDAKAN TERAS STRATEGIK 1

TERAS STRATEGIK 1		Memperkasa Tadbir Urus dan Sistem Penyampaian Perkhidmatan ke Arah Kecemerlangan Organisasi			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
I. Memperkasakan Pengurusan Sumber Manusia bagi Melahirkan Warga Kerja yang Kompeten, Inovatif serta Berprestasi Tinggi	I. Pewujudan Pelan Latihan Komprehensif	Pelan Latihan	I Pelan (merangkumi Latihan setiap Perkhidmatan / Skim Jawatan)	2017	BPSM
	2. Pembangunan Pelan Strategik Sumber Manusia Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan	Pelan Strategik Sumber Manusia	I Pelan Strategik Sumber Manusia	2017	BPSM
	3. Pembangunan Program Peningkatan Keilmuan	Bicara Eksekutif	2 program setahun	2016-2018	BPSM
	4. Program Perubahan Minda dan Sense of Belonging terhadap Jabatan	Tahap Kepuasan Pekerja	60% Berpuas Hati	2016-2018	BPSM
	5. Pelaksanaan Program Dasar Pemisah (Exit Policy)	Bilangan Pegawai	Tiada Pegawai Berprestasi Rendah	2016-2018	BPSM
	6. Kajian Semula Perjawatan dan Struktur Organisasi	Bil. Laporan	I Laporan Kajian	2017	BPSM
	7. Program Pengurusan Perubahan	Bil. Program	I Program setahun	2016 - 2020	UKIK
	8. Program Peningkatan Ukhwah (Esprit de corps)	Bil. Program	I Program setahun	2016 - 2020	BPSM
	9. Semakan Pelan Operasi Latihan	Bil. Semakan Pelan	I Semakan Pelan setahun	2016 - 2020	BPSM
	10. Pelan Tindakan Inovasi	Bil. Pelan	I Pelan	2017	UKIK
	11. Pembangunan Pakar Rujuk (Subject Matter Expert)	Bil. Bidang Kepakaran	10 Bidang	2020	BPSM

**Pelan Strategik 2016-2020**  
**Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan**

TERAS STRATEGIK I		Memperkasa Tadbir Urus dan Sistem Penyampaian Perkhidmatan ke Arah Kecemerlangan Organisasi			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
2. Memperkasakan Tadbir Urus Organisasi dan Persekutuan Kerja yang Konduif bagi Meningkatkan Produktiviti	I2. Semakan Pelan Pengurusan Risiko	Bil. Pelan	I Pelan	2017	BKP
	I3. Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (BCM)	Bil. Pelan	I Pelan	2017	BKP / UPTM / UKIK
	I4. Pensijilan MS ISO	Skop Pensijilan	I00% unit dipersijilkhan	2016 - 2020	UKIK
	I5. Pemantapan Pengurusan Aset	Inventori Aset Tak Alih	I00% aset tak ali h direkodkan	2018	BKP
	I6. Pengukuhan Program Pengurusan Pelanggan	Kajian Kepuasan Pelanggan	90% pelanggan berpuas hati	2018	UKIK
3. Memantapkan Budaya Integriti dan Nilai-Nilai Murni dalam Organisasi	I7. Program Penerapan Nilai-nilai Murni	Bilangan program	6 kali setahun	2016 - 2020	Unit Integriti / UKIK
	I8. Pembangunan dan Perlaksanaan Pelan Integriti Negeri Sembilan (PINS)	I dokumen (PINS)	I Pelan Integriti Negeri Sembilan	2016	Unit Integriti dengan kerjasama PBT / BBN
	I9. Pelaksanaan Program 'Change It Right' @ 'Let's be Right'	Bilangan program	6 kali setahun	2016 - 2020	Unit Integriti
4. Pemantapan Infrastruktur, Aplikasi dan Pembudayaan ICT bagi Meningkatkan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan	20. Pembangunan Pelan ICT	Pelan ICT Pejabat SUKNS	I Dokumen Pelan ICT	2016	UPTM
	21. Pelaksanaan Pelan ICT	Peratus Pencapaian Program Pelan ICT	75% Sasaran Tercapai	2016 – 2020	UPTM
5. Memantapkan Pengurusan Kewangan yang Sistematik bagi Mengelakkan Ketirisan dan Mengalakkan Perbelanjaan Berhemah	22. Pengiktirafan Indeks Akauntabiliti	Indeks Akauntabiliti	5 Bintang	2016-2020	BKP
	23. Kajian Impak (Perbelanjaan/ Nilai Projek $\geq$ RM1 Juta)	Bil. Kajian Impak	2 kajian ke atas projek tahun semasa (Peruntukan Negeri untuk PSUKNS)	2016-2020	BKP / UPEN
	24. Program Integriti serta Akauntabiliti Pengurusan Kewangan	Bil. Program	I program setahun	2016-2020	BKP

# TERAS STRATEGIK 2

## MENGUKUHKAN PERTUMBUHAN EKONOMI UNTUK MENJAMIN INKLUSIVITI RAKYAT

Teras strategik kedua ialah untuk mengukuhkan pertumbuhan ekonomi dan menjamin inklusiviti rakyat selaras dengan perancangan jangka panjang menuju negeri moden menjelang tahun 2045.

Ia mampu dicapai melalui pendekatan merangka hala tuju strategik untuk pertumbuhan mampan, memperkasa pemacu pertumbuhan ekonomi dan mempergiat perancangan pembangunan sosio ekonomi ke arah pembangunan inklusif.

### STRATEGI

1. Merangka Hala Tuju Strategik untuk Pertumbuhan Mampan
2. Memperkasa Pemacu Pertumbuhan Ekonomi
3. Mempergiat Perancangan Pembangunan Sosio Ekonomi ke Arah Pembangunan Inklusif

### PELAN TINDAKAN

1. Merangka Hala Tuju Strategik untuk Pertumbuhan Mampan
  - ★ Memodenkan Landskap Pembangunan Negeri Sembilan
  - ★ Mengukuhkan Sumber Hasil Negeri
  - ★ Mengkoordinasi Pembukaan Kawasan Industri Baru
  - ★ Memperkasa Sektor Perkhidmatan sebagai Penyumbang Utama KDNK Negeri dengan Meningkatkan *Economic Cycle* Sektor Pelancongan
  - ★ Memperkasa Sektor Pertanian untuk Mencapai Sasaran Tahap Sara Diri yang Ditetapkan (*self-sufficient level*)

## 2. Memperkasa Pemacu Pertumbuhan Ekonomi

- ★ Menggandakan Inisiatif Swasta dalam Pertumbuhan Negeri
- ★ Mewujudkan Satu *Platform* Transformasi untuk Menghubungkan Keperluan Jabatan dan Agensi, Pihak Swasta, Masyarakat dan Pihak Berkuasa Negeri daripada Berteraskan *Government Centric* kepada *Citizen Centric*
- ★ Meningkatkan Jaringan dan Menambahbaik Liputan Telekomunikasi serta ICT di Seluruh Kawasan
- ★ Meningkatkan Jaringan Perhubungan dan Kemudahsampaian
- ★ Memantapkan Perkhidmatan Pengangkutan Awam

## 3. Mempergiat Perancangan Pembangunan Sosio Ekonomi ke Arah Pembangunan Inklusif

- ★ Memodenkan Lanskap Pembangunan Desa Amaya
- ★ Pematuhan Dasar Perumahan Negeri dalam menyediakan Rumah Mampu Milik di Negeri Sembilan.

# PELAN TINDAKAN

## TERAS STRATEGIK 2

TERAS STRATEGIK 2		Mengukuhkan Pertumbuhan Ekonomi untuk Menjamin Inklusiviti Rakyat			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
1. Merangka Hala Tuju Strategik untuk Pertumbuhan Mampan	25. Memodenkan Lanskap Pembangunan Negeri Sembilan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelan Pembangunan</li> <li>Nilai Pelaburan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyediaan Pelan Pembangunan Komprehensif MVV</li> <li>Pelaburan swasta RM2 Billion/tahun dalam pembangunan MVV</li> <li>Pelaburan swasta RM1 Billion/tahun dalam sektor pembuatan</li> <li>Guna Tenaga Penuh</li> </ul>	2016 2016-2020 2016-2020 2016-2020	Sekretariat MVV  Sekretariat MVV  UPEN, NSIC dengan kerjasama MIDA  UPEN, Sekretariat MVV dengan kerjasama MIDA
	26. Mengukuhkan Sumber Hasil Negeri	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penetapan Caj Air Permukaan Lombok Pasir</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenakan caj air mentah:</li> <li>Caj air permukaan perlombongan pasir</li> </ul>	2016	BKSA
	27. Mengkoordinasi Pembukaan Kawasan Industri Baru	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perluasan kawasan industri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembukaan 1000 ekar kawasan industri dalam MVV</li> </ul>	2020	UPEN, Sekretariat MVV, NSIC dengan kerjasama MIDA
	28. Memperkasakan Sektor Perkhidmatan sebagai Penyumbang Utama kepada KDNK Negeri	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bilangan pelancong</li> <li>Bilangan hari inapan</li> <li>Bilangan produk pelancongan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bilangan kedatangan pelancong minimum 5 juta setahun</li> <li>Tempoh inapan pelancong meningkat dari 1.5 hari kepada 2.5 hari</li> <li>Minimum 5 pakej pelancongan</li> </ul>	2016 – 2020 2016 – 2020 2016 – 2020	UPEN & LPNS  UPEN & LPNS  UPEN & LPNS
	29. Memperkasakan Sektor Pertanian untuk Mencapai Tahap SSL Penduduk	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peningkatan jumlah hasil</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Suntikan baru untuk Lembah Pedaging</li> <li>Pencapaian SSL:</li> <li>Padi 30%</li> <li>Sayur-sayuran 80%</li> <li>Buah-buahan 136%</li> <li>Daging 55%</li> </ul>	2020 2020	UPEN, UKAS dengan kerjasama Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar

**Pelan Strategik 2016-2020**  
**Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan**

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
2. Memperkasa Pemacu Pertumbuhan Ekonomi	30. Menggandakan Inisiatif Swasta dalam Pertumbuhan Negeri	Pembangunan Profail Kawasan	I	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyediaan profail tanah berpotensi untuk pembangunan</li> </ul>	2018  UPEN, UKAS, Sekretariat MVV dengan kerjasama JPBD, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar
	31. Mewujudkan Satu Platform Transformasi untuk Menghubungkan Keperluan jabatan dan Agenzi Pihak Swasta, Masyarakat dan Pihak Berkusa Negeri daripada Berteraskan Government Centric kepada Citizen Centric	Pembangunan Sistem	I	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembangunan Sistem SMARTER NS</li> </ul>	2017  UPEN, UPTM
	32. Meningkatkan Jaringan dan Menambahbaik Liputan Telekomunikasi serta ICT di Seluruh Kawasan.	Liputan telekomunikasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Liputan 4G/LTE 100% kawasan tumpuan utama di Negeri Sembilan (di kawasan berdensiti tinggi / kawasan industri utama / kawasan tumpuan komersil)</li> </ul>	2020  UPEN	
	33. Meningkatkan Jaringan Perhubungan dan Kemudahsampaian	Pembinaan dan naik taraf jalan raya	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembinaan jalan baru dan naik taraf jalan dalam kawasan MVV           <ul style="list-style-type: none"> <li>Jalan baru Nilai – KLIA</li> <li>Jalan Baru Temiang – Pantai</li> <li>Naik taraf jalan Sepang – Teluk Kemang</li> <li>Naik taraf Jalan Seremban - Labu</li> </ul> </li> </ul>	2016 – 2020  2019 2017 2019 2019  UPEN, Sekretariat MVV dengan kerjasama JKRA	
	34. Memantapkan Perkhidmatan Pengangkutan Awam Negeri	Liputan laluan seluruh Seremban	<ul style="list-style-type: none"> <li>Liputan menyeluruh perkhidmatan bas henti-henti di Seremban</li> </ul>	2018  UPEN dengan kerjasama SPAD	
3. Mempergiat Perancangan Pembangunan Sosio Ekonomi ke Arah Pembangunan Inklusif	35. Merangka Lanskap Pembangunan Moden Desa Amaya	Penghasilan Rangka Rancangan Jangka Panjang Negeri Sembilan Moden 2045	<ul style="list-style-type: none"> <li>I dokumen/blueprint pembangunan komprehensif Negeri Sembilan Moden 2045</li> </ul>	2017  UPEN, UKAS, Sekretariat MVV dengan kerjasama JPBD, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar	
		Penghasilan Pelan Halatuju Desa Amaya	<ul style="list-style-type: none"> <li>I dokumen/blueprint pembangunan komprehensif Desa Amaya 2045</li> </ul>	2016  UPEN	
		Pembangunan Program perluasan kampung	<ul style="list-style-type: none"> <li>10 program perluasan kampung</li> </ul>	2020  UPEN dengan kerjasama Pejabat Daerah, PBT	
	36. Pematuhan Dasar Perumahan Negeri dalam menyediakan rumah mampu milik di Negeri Sembilan	Pematuhan 50% penyediaan rumah mampu milik dalam setiap pembangunan Perumahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>100% pematuhan kepada 50% rumah mampu milik untuk setiap pembangunan perumahan 10 ekar dan ke atas</li> </ul>	Berterusan  UP dengan kerjasama PTG dan PBT	

# TERAS STRATEGIK 3

## MEMPERKUKUHKAN DASAR DAN PERATURAN BAGI KAWAL SELIA YANG CEKAP

Teras strategik ketiga ialah memperkuuhkan dasar dan peraturan bagi kawal selia yang cekap selaras dengan peranan sebagai penghubung antara agensi lain di Negeri Sembilan, kerajaan negeri, kerajaan Persekutuan, badan berkanun negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Dalam usaha tersebut, fokus teras strategik ini adalah penggubalan kaedah-kaedah, dasar dan peraturan, menjalin kerjasama antara agensi bagi pembangunan dan kawalan sumber, mengukuhkan struktur organisasi penguatkuasaan dan tatacara penguatkuasaan serta mengukuhkan keupayaan dan kefahaman terhadap perundangan.

### STRATEGI

1. Penggubalan Kaedah-kaedah, Dasar dan Peraturan
2. Kerjasama antara Agensi bagi Pembangunan dan Kawalan Sumber
3. Mengukuhkan Struktur Organisasi Penguatkuasaan dan Tatacara Penguatkuasaan
4. Mengukuhkan Keupayaan dan Kefahaman terhadap Perundangan

### PELAN TINDAKAN

1. Penggubalan Kaedah-kaedah, Dasar dan Peraturan
  - ★ Kajian dan Semakan Semula Dasar Perumahan Negeri Sembilan
  - ★ Dasar Pembangunan Perniagaan Mampu Milik
  - ★ Pewujudan Peraturan di bawah Akta Air 1920

**2. Kerjasama antara Agensi bagi Pembangunan dan Kawalan Sumber**

- ★ Memperkuatkan Kerjasama Pembangunan Sumber Air antara BKSA, SAINS, KETTHA dan Agensi Berkaitan
- ★ Mewujudkan Pelan Tindakan Kecemasan bagi Menghadapi Musim Kemarau

**3. Mengukuhkan Struktur Organisasi Penguatkuasaan dan Tatacara Penguatkuasaan**

- ★ Pengurusan Penguatkuasaan Penyewaan Rumah
- ★ Kajian dan Semakan Semula Pengurusan Penyediaan Kertas MMK
- ★ Memansuhkan Tiga (3) Jawatan Penghantar Notis (N11) untuk ditukar kepada satu (1) Jawatan Penolong Pegawai Kimia (C27)

**4. Mengukuhkan Keupayaan dan Kefahaman terhadap Perundangan**

- ★ Mewujudkan Modul Latihan Komprehensif kepada Semua Penguatkuasa berhubung Undang-undang dan Peraturan Sedia Ada

# PELAN TINDAKAN

## TERAS STRATEGIK 3

<b>TERAS STRATEGIK 3</b>		<b>Memperkuatkan Dasar dan Peraturan bagi Kawal Selia yang Cekap</b>			
<b>STRATEGI</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)</b>	<b>SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)</b>	<b>TAHUN/ TEMPOH SASARAN</b>	<b>BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB</b>
1. Pengubalan Kaedah-kaedah Dasar dan Peraturan	37. Kajian dan Semakan Semula Dasar Perumahan Negeri Sembilan	Penghasilan satu kajian dan semakan semula DPNS	I kajian	2019-2020	Unit Perumahan
	38. Dasar Pembangunan Perniagaan Mampu Milik	Pengubalan dan pelaksanaan dasar baru tentang pembangunan kedai mampu milik	I dasar	2017	Unit Perumahan
	39. Pewujudan Peraturan di bawah Akta Air 1920	Pengubalan dan pewartaan peraturan-peraturan dibawah Akta Air 1920	3 peraturan	2016-2020	Badan Kawal Selia Air
2. Kerjasama antara Agensi bagi Pembangunan dan Kawalan Sumber	40. Memperkuatkan Kerjasama Pembangunan Sumber Air antara BKSA, SAINS, KETTHA dan Agensi Berkaitan	Bilangan kajian dan projek	1. Kajian Memaksimumkan Sumber Air Sg. Muar; 2. Kajian Bunded Storage di Sg. Linggi; 3. Cadangan Projek Pembinaan Bunded Storage Sungai Linggi; 4. Cadangan Projek Pembinaan 3 Buah Pintu Air di Lembangan Sungai Muar.	2017 2016 2017 2018	Badan Kawal Selia Air (BKSA) dengan kerjasama SAINS, KETTHA, Jabatan Mineral dan Geosains
	41. Mewujudkan Pelan Tindakan Kecemasan bagi Menghadapi dan Menangani Musim Kemarau	Bilangan Pelan Tindakan Kecemasan dan Arahantetap Penguatkuasaan Bersepadu	I Pelan Tindakan Kecemasan I Arahantetap Penguatkuasaan Bersepadu	2017-2018 2018-2019	Badan Kawal Selia Air (BKSA) dengan kerjasama Jabatan Meteorologi, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Mineral dan Geosains, Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Pertanian, SAINS, JPAM, PDRM, PTG, MKN
3. Mengukuhkan Struktur Organisasi Penguatkuasaan dan Tatacara Penguatkuasaan	42. Pengurusan Penguatkuasaan Penyewaan Perumahan	Penghasilan satu kajian berhubung penguatkuasaan penyewaan perumahan	I kajian	2018	Unit Perumahan
	43. Kajian dan Semakan Semula Pengurusan Penyediaan Kertas MMK	Penghasilan satu kajian berhubung pengurusan penyediaan Kertas MMK	I Garis Panduan	2017	Unit Dewan Undangan Negeri
	44. Memansuhkan 3 Jawatan Penghantar Notis (NI I) untuk Ditukar kepada Satu Jawatan Penolong Pegawai Kimia (C27)	Perlantikan Penolong Pegawai Kimia (C27)	I Jawatan	2017	BPSM
4. Mengukuhkan Keupayaan dan Kefahaman Terhadap Perundangan	45. Mewujudkan Modul Latihan Komprehensif kepada Semua Penguatkuasa Berhubung Undang-Undang dan Peraturan Sedia Ada	Bilangan latihan	5 latihan / tahun	2016-2017	BPSM

# TERAS STRATEGIK 4

## MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN SOSIAL KE ARAH MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Teras strategik keempat ialah memperkukuh pembangunan sosial ke arah meningkatkan kesejahteraan rakyat. Ia merupakan pelengkap kepada Pelan Pembangunan Negeri yang inklusif, di mana ia bukan hanya menitikberatkan pembangunan ekonomi dan infrastruktur fizikal malah suatu program pembangunan menyeluruh yang turut meliputi pembangunan sosial bagi mencapai matlamat kesejahteraan rakyat.

Bagi merealisasikan teras strategik ini tumpuan diberikan bagi memperkukuh pelaksanaan dasar pembangunan luar bandar yang lebih komprehensif, memantapkan Dasar Jaringan Keselamatan Sosial, mempertingkatkan potensi diri dan keterlibatan belia selaras dengan Dasar Rancangan Pembangunan Belia Negeri Sembilan, memperkasakan institusi akar umbi serta memastikan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan perbandaran oleh pihak berkuasa tempatan.

### STRATEGI

1. Memperkukuh Pelaksanaan Dasar Pembangunan Luar Bandar yang Lebih Komprehensif
2. Memantapkan Dasar Jaringan Keselamatan Sosial
3. Mempertingkatkan Potensi Diri dan Keterlibatan Belia Selaras dengan Dasar Rancangan Pembangunan Belia Negeri Sembilan
4. Memperkasakan Institusi Akar Umbi
5. Memastikan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Perbandaran oleh Pihak Berkuasa Tempatan

## PELAN TINDAKAN

**1. Memperkuuh Pelaksanaan Dasar Pembangunan Luar Bandar yang Lebih Komprehensif**

- ★ Program Perluasan Kampung
- ★ Memperkasa Infrastruktur / Utiliti Luar Bandar
- ★ Memperkuuhkan Aktiviti Ekonomi Luar Bandar
- ★ Menganak-angkatkan Kawasan FELDA dalam Pembangunan Luar Bandar

**2. Memantapkan Dasar Jaringan Keselamatan Sosial**

- ★ Mewujudkan Sistem Maklumat Rakyat (SMR)
- ★ Memperkemaskan Sistem Jaringan Keselamatan Sosial (bantuan)
- ★ Penawaran Perkhidmatan – melalui *Engagement* / Sesi Mendengar
- ★ Memperluaskan Program CSR dalam Kalangan Jabatan / Agensi Kerajaan
- ★ Program Sentuhan Kasih (Warga Emas)

**3. Mempertingkatkan Potensi Diri dan Keterlibatan Belia Selaras dengan Dasar Rancangan Pembangunan Belia Negeri Sembilan**

- ★ Program Pendaftaran Belia dengan Sekretariat Belia Negeri
- ★ Kolaborasi bersama Majlis Belia bagi Pelaksanaan Program Pembangunan Modal Insan, Keusahawanan dan Penglibatan Belia dalam Penggubalan Dasar Utama Kerajaan Negeri
- ★ Pengenalpastian Bakat-bakat Baru dalam Sukan Keutamaan Negeri

**4. Memperkasakan Institusi Akar Umbi**

- ★ Memperkasa Ilmu Pengetahuan JKKK
- ★ Menyelaras dan menyelesaikan isu / masalah institusi akar umbi

**5. Memastikan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Perbandaran oleh Pihak Berkuasa Tempatan**

- ★ Meningkatkan Program dan Kempen Kebersihan
- ★ Kawalan Penyakit Berjangkit

# PELAN TINDAKAN

## TERAS STRATEGIK 4

TERAS STRATEGIK 4		Memperkuat Pembangunan Sosial ke Arah Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
1. Memperkuatkan Pelaksanaan Dasar Pembangunan Luar Bandar yang Lebih Komprehensif	46. Program Perluasan Kampung	Bilangan kampung yang terlibat	10 buah kampung	2020	UPEN dengan kerjasama PTG, Pejabat Daerah, UP
	47. Memperkasa Infrastruktur / Utiliti Luar Bandar	% menaik taraf infrastruktur / utiliti luar bandar	3G – 100%	2020	UPEN, UPTM dengan kerjasama SKMM
	48. Memperkuatkan Aktiviti Ekonomi Luar Bandar	Bilangan usahawan luar bandar	5% peningkatan bilangan usahawan sehingga 2020	2020	UPEN dengan kerjasama PKNNS, MARA, FAMA, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan
		Bilangan program	5 program setahun	2016-2020	
	49. "Menganak-angkatkan" FELDA dalam Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan	Naik taraf infrastruktur sedia ada	5 projek setahun	2016 – 2020	UPEN dengan kerjasama JKR, TNB, PBT, Pejabat Daerah
2. Memperkasa Dasar Jaringan Keselamatan Sosial	50. Mewujudkan Sistem Maklumat Rakyat (SMR)	% Data maklumat rakyat	80% data maklumat didaftarkan	2016-2020	UPIAU dengan kerjasama Pejabat Daerah, UPTM
	51. Mempermaksa Sistem Jaringan Keselamatan Sosial (bantuan)	Kekerapan pengemaskinian maklumat	Setiap bulan	2016-2020	UPTM dengan kerjasama PPNI, MAINS, JKM, JAKOA
		Bilangan masalah yang diutarakan	Pengurangan sebanyak 30% jumlah masalah daripada sesi terdahulu	2016-2017 (Sesi 1) 2018-2019 (Sesi 2)	UPEN, UPIAU dengan kerjasama Pejabat Daerah
		% Agensi yang terlibat	Peningkatan sebanyak 10% penyertaan agensi setiap tahun	2016-2020	UPEN dengan kerjasama semua agensi di Negeri Sembilan
	54. Program Sentuhan Kasih (Warga Emas)	Bilangan kekerapan	2 kali setahun	2016-2020	UPIAU dengan kerjasama Pejabat Daerah
3. Meningkatkan Potensi Diri dan Keterlibatan Belia Selaras dengan Dasar Rancangan Pembangunan Belia Negeri Sembilan	55. Program Pendaftaran Belia dengan Sekretariat Belia Negeri Sembilan	% pendaftaran golongan belia	Peningkatan tahunan sebanyak 2%	2016 – 2020	UPEN dengan kerjasama Sekretariat Belia
	56. Kolaborasi bersama Majlis Belia Negeri Sembilan dalam Pelaksanaan Program-program Pembangunan Modal Insan, Keusahawanan dan Pengubahan Dasar-dasar Utama Kerajaan Negeri	Bilangan penyertaan program	Penyertaan sekurang-kurangnya dalam 5 program setahun	2016 – 2020	UPEN dengan kerjasama Majlis Belia, Sekretariat Belia, PKNNS
		Bilangan atlet Negeri Sembilan ke Sukan SEA atau setaraf	5 atlet mewakili negara ke temasya Sukan SEA 2019	2017 2019	Majlis Sukan Negeri Sembilan

**Pelan Strategik 2016-2020**  
**Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan**

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
4. Memperkasakan Institusi Akar Umbi	58. Memperkasa Ilmu Pengetahuan JKKK	Bilangan latihan / program yang dihadiri % JKKK hadir latihan	2 kali setahun latihan / program yang dihadiri	2016 – 2020	UPIAU, Unit Latihan, PSUKNS
	59. Menyelaras dan Menyelesaikan Isu /Masalah Institusi Akar Umbi	% penyelesaian masalah	Pengurangan sebanyak 30% jumlah masalah daripada terdahulu	2016-2017 2018-2019	UPEN, UPIAU dengan kerjasama Pejabat Daerah
5. Memastikan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Perbandaran oleh Pihak Berkuasa Tempatan	60. Meningkatkan Program dan Kempen-kempen Kebersihan	Jumlah program yang dirancang dan dilaksanakan	70% daripada program setiap tahun	2016 – 2020	UKT dengan kerjasama PBT
	61. Kawalan Penyakit Berjangkit	Pengurangan kes yang dilaporkan	Pengurangan peratus setiap tahun	2016 – 2020	UKT dengan kerjasama PBT, Jabatan Kesihatan Negeri

# ELEMEN PENENTU KEJAYAAN



**01** KEPIMPINAN YANG BERWAWASAN

**02** MODAL INSAN YANG PROFESIONAL DAN BERINTEGRITI

**03** BUDAYA KERJA BERPRESTASI TINGGI

**04** KOLABORASI STRATEGIK

**05** TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

# MEKANISME PELAKSANAAN

Pelan Strategik ini merupakan rujukan utama seluruh warga jabatan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Berdasarkan kepada teras strategik dan strategi yang telah digariskan, setiap bahagian dan unit PSUKNS hendaklah melaksanakan semua program yang berkaitan dengan bidang tugas masing-masing mengikut indikator dan tempoh sasaran yang ditentukan.

Pelaksanaan Pelan Strategik akan dibuat meliputi keseluruhan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dan pemantauan dua peringkat akan dilaksanakan iaitu melalui Jawatankuasa Pelan Strategik Peringkat Penyelaras Teras yang dipengerusikan oleh Penyelaras Teras yang berkaitan dan Jawatankuasa Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.

Jawatankuasa Pelan Strategik Peringkat Penyelaras Teras akan bersidang dua kali setahun pada Jun dan November setiap tahun manakala Jawatankuasa Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan akan bersidang pada Julai dan Disember setiap tahun.

Kajian Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan akan dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. Ini adalah untuk memastikan keberkesanan dan pelaksanaan teras strategik telah mencapai tahap pelaksanaan yang disasarkan. Kajian tersebut perlu mengambilkira senario dan perubahan persekitaran pada akhir tempoh sasaran pelaksanaannya.

TINDAKAN PEMANTAUAN	KETUA BAHAGIAN	PENYELARAS TERAS	YB. SUK	URUS SETIA PELAN STRATEGIK
<b>Peringkat Pelaksanaan</b>	Pelaporan Pelaksanaan Program oleh Pegawai Penyelaras Bahagian / Unit (melalui SKT)	Semakan dan Penilaian Laporan Pelaksanaan Peringkat Penyelaras Teras	Pembentangan Laporan Pelaksanaan dan Penilaian dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelan Strategik	Kajian Semula, Penilaian dan Penambahbaikan
<b>Sasaran</b>	Setiap bulan	Jun dan November	Julai dan Disember	Disember

## SELANGKAH KE HADAPAN

Berdasarkan perancangan yang telah digariskan dalam dokumen perancangan strategik ini, PSUKNS sebagai peneraju perkhidmatan awam negeri, komited untuk memastikan agenda pembangunan dan pentadbiran Negeri Sembilan terus diperkuuhkan dan sentiasa berada pada landasan yang mengutamakan kepuasan hati pelanggan serta penawaran perkhidmatan yang cemerlang. Jalinan kolaborasi strategik dan permuafakatan mantap yang telah dipupuk selama ini antara PSUKNS dengan pelbagai pihak akan terus diperkasakan sejajar dengan matlamat negeri moden menjelang tahun 2045.

## PENUTUP

Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (PSUKNS) ini telah menggariskan strategi dan pelan tindakan yang perlu dilaksanakan dalam tempoh 2016 sehingga 2020 bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan. Pelan strategik ini merupakan alat kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta gerak kerja pelaksanaan ke arah mencapai kejayaan yang direncanakan. Komitmen dan iltizam yang tinggi setiap warga PSUKNS merupakan elemen kritikal bagi memastikan pelan strategik yang digubal berjaya dilaksanakan, terutamanya ke arah merealisasikan matlamat negeri moden menjelang 2045.



Pelan Strategik 2016-2020  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

# NOTA

---

KEPUASAN PELANGGAN DAN PERKHIDMATAN CEMERLANG KEUTAMAAN KAMI

Pelan Strategik 2016-2020  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

# NOTA

Pelan Strategik 2016-2020  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

# NOTA

---

KEPUASAN PELANGGAN DAN PERKHIDMATAN CEMERLANG KEUTAMAAN KAMI